

September 1, 2024

Setiap pemberian yang baik dan setiap anugerah yang sempurna, datangnya dari atas, diturunkan dari Bapa segala terang ... hendaklah kamu menjadi pelaku firman dan bukan hanya pendengar saja; sebab jika tidak demikian kamu menipu diri sendiri.

Ibadah yang murni dan yang tak bercacat di hadapan Tuhan, Bapa kita, ialah mengunjungi yatim piatu dan janda-janda dalam kesusahan mereka, dan menjaga supaya dirinya sendiri tidak dicemarkan oleh dunia.

Yakobus 1: 17, 21-22, 27

www.heraldmalaysia.com

Bertindak dan berharap bersama ciptaan

TAKHTASUCI: “Bertindak dan Berharap dengan Penciptaan” adalah tema Hari Doa Sedunia untuk Musim Penciptaan 2024. Sri Paus Fransiskus memetik tema itu dari Surat Santo Paulus kepada Jemaat di Roma (8:19-25), di mana Rasul Besar itu menjelaskan apa erti hidup menurut Roh dan berfokus pada pengharapan pasti akan keselamatan yang lahir dari iman, iaitu kebaharuan hidup di dalam Kristus”

Musim Ciptaan yang ditetapkan oleh Sri Paus pada tahun 2015, dirayakan pada September 1, setiap tahun dan tarikh itu juga dipilih sebagai tanda persatuan dengan Gereja Ortodoks, yang menetapkan tarikh September 1, sebagai hari untuk merayakan penciptaan pada tahun 1989.

Sri Paus mengatakan bahawa Musim Penciptaan mempersempahkan umat “sebuah kesempatan yang tepat untuk menegaskan kembali panggilan peribadi mereka untuk menjadi pengelola ciptaan, untuk berterima kasih kepada Tuhan atas karya luarbiasa yang telah Dia percayakan kepada kita dan untuk memohon bantuan-Nya bagi melindungi ciptaan serta pengampunan atas dosa-dosa yang dilakukan terhadap alam dunia tempat kita tinggal.”

Dalam pesan pada tahun ini, ia dibahagikan kepada sembilan bahagian, yang semuanya menekankan tanggungjawab kita untuk menjaga Rumah Bersama kita.

Pesan itu menekankan bahawa ketika umat Kristiani dipanggil untuk hidup dalam

iman dan amal kasih, kepedulian terhadap alam ciptaan adalah “sebuah tugas yang harus dilakukan dengan bebas, dengan mentaati perintah kasih Yesus”.

Bapa Suci juga menyeru umat manusia untuk mengubah cara hidup mereka dengan segera menyedari kesan buruk perang dan menetapkan batasan moral terhadap kemajuan kecerdasan buatan (AI).

Apa erti hidup berharap dan bertindak bersama Ciptaan? Sri Paus mendorong kita untuk melakukannya dengan menjalani “iman inkarnasi”, iman yang dapat masuk ke dalam “daging” orang lain, dengan berbagi pengharapan akan kebangkitan tubuh yang telah ditentukan bagi orang-orang percaya di dalam Kristus Tuhan. Dengan demikian, hidup kita dapat menjadi sebuah nyanyian kasih bagi Tuhan, bagi umat manusia dan untuk ciptaan serta menemukan kepuhannya dalam kekudusan.

Paus mengecam betapa banyak kejahanan yang ada di dunia. “Mengapa begitu banyak ketidakadilan, begitu banyak perang dan persaudaraan yang membunuh kanak-kanak, memusnahkan bandar, mencemarkan alam sekitar dan menyebabkan bumi musnah?”

Melindungi ciptaan, “bukan setakat isu etika, tetapi isu teologi yang ketara, kerana ia adalah titik di mana misteri manusia dan misteri Tuhan bersilang.”

Kita bebas, tetapnya kerana kita diciptakan menurut gambar Tuhan iaitu Yesus Kristus, dan, sebagai hasilnya, adalah “wakil” ciptaan dalam Kristus Sendiri.

Sri Paus menggalakkan umat beriman untuk mengingati identiti mereka sebagai “anak-anak Bapa,” menunjukkan bahawa



kita diberi kuasa untuk melaksanakan perubahan konkret dalam kita menjalani kehidupan di dunia ini.

“Hidup kita boleh menjadi nyanyian cinta

kepada Tuhan, untuk manusia, dengan dan untuk penciptaan, dan menemui kepuhannya dalam kekudusan.” — media Vatikan

Perjalanan terpanjang Sri Paus Fransiskus ke Asia, Oceania September ini

VATIKAN: Perjalanan Paus Fransiskus ke Asia dan Oceania dalam beberapa hari lagi, akan menjadi perjalanan yang dipenuhi pertemuan pelbagai agama, perbincangan ekonomi dan sosial.

Mengunjungi empat negara pada September 2-13 September, Sri Paus berusia 87 tahun ini akan melakukan perjalanan terpanjang selama masa kepausannya, dari segi jarak yang ditempuh mahupun jumlah hari.

Kunjungan tersebut akan mencakupi Indonesia yang majoritinya berpenduduk Islam, Papua New Guinea yang sebahagian besarnya beragama Kristian, Timor Leste, sebuah negara termiskin di dunia dan Singapura, negara berekonomi paling kuat di Asia.

Perjalanan apostolik kali ke-45 ini akan menumpukan dialog antaragama, kerukunan etnik, kepedulian terhadap ciptaan, kepedulian



terhadap migran, penghargaan kepada karyakarya misionari dan sumbangan Gereja terhadap pendidikan dan pelayanan kesihatan.

Kunjungannya akan dimulai di Indonesia, yang memiliki populasi Muslim terbesar di dunia; Umat Katolik hanya berjumlah sekitar

tiga peratus dari populasi. Kemudian Bapa Suci akan terbang ke Papua New Guinea yang diperkirakan 98% penduduknya beragama Kristian.

Timor-Leste adalah satu-satunya negara bermajoriti Katolik dalam perjalanan kepaus-

san Bapa Suci.

Di Singapura, umat Buddha merupakan kumpulan agama terbesar, diikuti 20% populasi yang tidak menganut agama apa pun; 19 peratus umat Kristian dan penganut Islam sekitar 15 peratus.

Meskipun dari sudut pandang Eropah atau Amerika Utara keempat-empat negara yang bakal dikunjungi Sri Paus Fransiskus ialah sebahagian “pinggiran” agama Katolik global namun Sri Paus Fransiskus tetap mengutamakan undangan dari kota-kota terkecil dan terpencil.

Di Indonesia, Papua New Guinea dan Timor-Leste, Sri Paus Fransiskus dijangka menumpukan pada dialog antara agama dan kewajiban agama untuk peduli terhadap ciptaan. Di Singapura, Bapa Suci akan meluangkan masa bersama warga tua dan sakit di Rumah St Theresa. — media Vatikan

Kesunyian dan kehebatan hidup selibat

Bberapa tahun yang lalu, pernah diterbit pernah muncul dalam *New York Times*, lampiran editorial oleh Frank Bruni, bertajuk *The Wages of Celibacy*.

Ruang itu, meskipun provokatif tetapi jujur. Dia bertanya banyak soalan yang sukar tetapi perlu.

Melihat kepada pelbagai skandal seksual yang telah melanda dalam kalangan klerus Roman Katolik pada tahun-tahun lalu, Bruni mencadangkan bahawa sudah tiba masanya untuk mengkaji semula selibat.

Dengan jujur dan berani, dia mengajukan soalan apakah kelelahan selibat dapat mengatasi potensi manfaatnya.

Bruni, sebenarnya tidak terlalu menuntut akan jawaban terhadap soalan itu. Dia hanya menegaskan bahawa hidup selibat iaitu kehidupan berkaul, membawa lebih banyak risiko daripada yang kehidupan bujang.

Pada penghujung tulisannya, Bruni menulis, "Budaya selibat berisiko membantutkan perkembangan [seksual] dan mengubah dorongan seksual menjadi gerak isyarat yang tersembunyi dan terseksi."

"Ia mengabaikan keperluan hubungan asas manusia dan mungkin tidak dapat dilawan. Mungkin tidak menghairankan jika sesetengah paderi cuba menjalin hubunga itu, dengan cara yang diam-diam, tidak berhemah dan kadang-kadang merosakkan?"

Ini bukanlah soalan yang tidak sopan. Kita perlu menghadapi soalan itu. Kita memerlukan keberanian untuk menghadapi persoalan: adakah kehidupan selibat tidak

normal untuk keadaan manusia? Adakah hidup selibat berisiko membantutkan perkembangan seksual?

Thomas Merton pernah ditanya oleh seorang wartawan bagaimana kehidupannya sebagai seorang selibat?

Saya pasti jawapan Thomas pasti mengejutkan orang-orang warak kerana dia hampir menyokong pendapat Bruni.

Jawabannya: "Selibat adalah neraka! Anda hidup dalam kesunyian yang dikutuk oleh Tuhan kerana Dia sendiri mengatakan, 'Tidak baik bersendirian!'"

Namun, Thomas Merton segera menjelaskan bahawa selibat bukanlah bertentangan dengan keadaan normal manusia.

Selibat dapat menghasilkan dan membawa hasil yang luar biasa, dan mungkin hasil unik ini terikat pada betapa luar biasa dan tidak normalnya kehidupan selibat.

Apa yang Thomas Merton katakan ialah pada dasarnya, selibat adalah tidak normal dan menyusahkan anda kerana ia kehidupan yang tidak dikehendaki oleh Pencipta; tetapi, walaupun dan mungkin kerana keabnormalan itu, selibat boleh menjadi sangat generatif, sama ada untuk orang yang hidup selibat bahkan untuk orang di sekelilingnya.

Saya tahu dan ramai orang yang tidak terkira banyaknya, menyokong kenyataan yang sangat benar ini.

Sebagai seorang Kristian, sebagai manusia dan oleh kehidupan orang melafazkan kaul, hidup berkomuniti dan bergaul dengan

ramai paderi, religius lelaki dan perempuan, di mana kehidupan mereka sangat menyentuh hidup saya dan meskipun dikatakan abnormal oleh dunia sekular, saya akui ia menghasilkan buah-buah hebat.

Lebih-lebih lagi, keabnormalan itu boleh mempunyai tarikan tersendiri.

Saya pernah menjadi pembimbing rohani kepada seorang lelaki muda yang ingin mendalamai sama ada akan menyertai kongregasi kami, *Missionary Oblates of Mary Immaculate* atau melamar seorang wanita muda.

Ia adalah keputusan yang menyakitkan bagi saya; dia mahu kedua-duanya. Kedua-dua pilihan itu mempunyai elemen romantiknya yang tersendiri. Dan melalui refleksi dan pengamatannya, kedua-dua pilihan itu memberikan keindahan yang tersendiri.

Lelaki dalam dilema itu menceritakan: *Saya dibesarkan di kawasan luar bandar dan merupakan anak sulung. Ketika berumur lima belas tahun, pada suatu petang sebelum makan malam, ayah saya yang masih muda, diserang sakit jantung.*

Tiada kemudahan ambulan di tempat kami. Kami membawanya ke hospital dengan kereta.

Ibu saya duduk di tempat duduk belakang sambil memeluk ayah saya, manakala saya, yang masih remaja, memandu kereta dengan ketakutan ke hospital kira-kira 15 batu jauhnya.

Ayah saya meninggal dunia sebelum kami tiba di hospital. Walaupun tragis ini, tetapi kematian



Hidup selibat tidak selalunya indah tetapi ia memberikan kehidupan yang paling generatif untuk diri sendiri dan orang lain. Kredit Gambar: George Pansiol.

ayah saya ada unsur keindahan yang tidak dapat saya lupakan.

Ayah saya meninggal dalam pelukan ibu saya. Situasi pilu tetapi indah itu telah menyentuh jiwa saya. Dalam fikiran saya, dalam fantasi saya, itulah cara saya mahu mati —dalam pelukan isteri saya.

Disebabkan kenangan itu sangat kuat mempengaruhi saya, keraguan utama saya untuk menyertai Oblate dan menyertai jabatan imamat ialah hidup selibat.

Jika saya menjadi paderi, saya tidak dapat mati dalam pelukan manusia. Saya akan mati seperti orang bujang — dalam rangkul imamat bukan rangkul manusia.

Tetapi pada suatu hari, semasa cuba memahami semua ini, saya terlihat satu lagi gambaran: Yesus tidak mati dalam pelukan pasangan; Dia mati keseorangan dan kesunyian.

Saya sentiasa kurang senang tentang kesunyian selibat tetapi pada masa yang sama, tertarik kepada individu seperti Soren

Kierkegaard, Ibu Teresa, Dorothy Day, Thomas Merton, dan Daniel Berrigan, yang tidak mati dalam pelukan pasangan tetapi cara kematian mereka amat indah!

Bruni tidak salah ketika memberi peringatan bahawa selibat adalah tidak normal dan penuh dengan bahaya, ada risiko membantutkan perkembangan seksual khususnya ia mengelakkan hubungan asas manusia yang dimandatkan oleh Kitab Suci, iaitu, dogma antropologi asas yang terkandung dalam kisah Tuhan mencipta ibu bapa pertama kita dan firman-Nya yang menyatakan, tidak baik (dan berbahaya) untuk bersendirian!

Selibat menyebabkan seseorang hidup dalam kesepian yang dikutuk oleh Tuhan sendiri, tetapi kesepian itu juga dialami oleh Yesus semasa menyerahkan diri-Nya kepada kita. Mati dalam kesunyian demi mengungkapkan cinta yang paling generatif dalam sejarah manusia. — *Hakcpta Terpelihara 1999-2024 @ Fr Ron Rolheiser*

Jangan menambah atau mengurangi apa yang telah diperintahkan oleh Tuhan

Sebagai manusia, kita memang memerlukan suatu pegangan, adat atau kebiasaan tertentu bagi menolong kita untuk melaksanakan penghayatan hidup kita.

Hal ini juga berlaku dalam melaksanakan hidup keagamaan kita dengan baik. Misalnya membuat tanda salib, berdoa sebelum makan atau minum, sebelum tidur sesudah bangun, atau sebelum bekerja.

Selain itu, terdapat kewajipan untuk ke Gereja bagi menghadiri perayaan Ekaristi dan sebagainya. Ketentuan atau perintah seperti itu memang sangat penting agar hidup keagamaan kita dihayati dengan teratur.

Yesus sama sekali tidak menentang adat istiadat atau peraturan, sebab ia memang diperlukan. Apa yang ditentang Yesus ialah formalisme yang menentang suara hati dengan melakukan sesuatu yang bukan berdasarkan agama.

Dalam Injil Markus hari ini, Yesus mengingatkan kita akan adanya bahaya serius, yang dapat timbul, apabila tujuan adat, kebiasaan, ketentuan atau peraturan apa pun

tidak difahami dan dilaksanakan dengan benar.

Pelaksanaan peraturan itu hanya berupa pelaksanaan lahiriah, namun hasil atau maknanya ialah kosong.

Apa yang dilakukan tidak ada hubungannya dengan hati atau batin. Ia hanya dilakukan kerana tuntutan. Itulah yang disebut formalisme dan legalisme. Adat demi adat, hukum demi hukum.

Hal hakiki, fundamental atau mendasar yang harus diperhatikan ialah adanya ketentuan, peraturan, hukum yang bersifat ilahi dan manusawi. Perintah Tuhan harus selalu diutamakan.

Akibat mental sangat negatif yang dapat timbul dalam diri kita ialah, bahawa kita cenderung memandang dan menilai orang lain menurut adat, kebiasaan atau peraturan manusawi belaka.

Apabila ada orang yang tidak berbuat menurut kebiasaan yang sama dengan kebiasaan kita, orang itu kita dinilai negatif.

Orang yang bukan seperti kita, dinilai kurang berbudaya, kurang beradab, sangat

terbelakang. Atau dalam bidang rohani, dia dianggap kurang hidup beragama seperti seharusnya.

Kita mudah menilai sesama kita hanya dengan memperhatikan hal-hal lahiriah. Kita tidak memperhatikan batin atau hati orang tersebut. Kita tidak mengenal keyakinan dan kehendak baiknya, yang mendorong dia bersikap dan berbuat demikian.

Sikap dan cara hidup yang lebih mengutamakan pelaksanaan lahiriah adat, kebiasaan mahupun peraturan sahaja, bertentangan dengan perintah Tuhan.

Dan perintah Ilahi yang paling utama ialah perintah kasih: kasih kepada Tuhan sekaligus kepada sesama.

Tuhan menghendaki agar kita saling menghormati dan mengasihi. Jangan sampai perintah atau hukum Tuhan dilanggar kerana lebih memperhatikan dan melakukannya peraturan manusia!

Kaum Farisi mahupun ahli-ahli Taurat seperti digambarkan dalam Injil Markus sekarang masih berlaku.

Ada orang-orang yang sangat berusaha

**HARI MINGGU
BIASA KE-22
TAHUN B**

ULANGAN 4:1-2.6-8

YAKOBUS 1:17-18.21B-22.27

INJIL MARKUS 7:1-8.14-15.21-23

taat dalam menghayati kehidupannya sebagai pengikut Kristus.

Namun kita perlu ingat, kehidupan keagamaan kita perlu sejajar dengan tindakan kita. Hidup keagamaan sebagai orang Kristian sejati bukan hanya terdiri dari hubungan kita dengan Tuhan sahaja, melainkan juga dengan sesama kita.

Hubungan kita dengan Tuhan dan sesama tidak boleh dipisahkan.

Yesus tidak menentang peraturan, adat istiadat atau hukum bagi setiap orang yang mahu hidup sebagai orang beragama.

Untuk hidup sebagai orang beragama secara benar, diperlukan kesakmaan antara apa yang kita lakukan atau lafazkan dalam agama, perlu diterjemahkan dalam bentuk lahiriah. Jangan hanya memuji Tuhan tetapi pada masa yang sama, mengutuk saudara dan saudari kita! — **Msgr F.X. Hadisumarta O.Carm**

Retret keluarga besar SFO di Pace Bene



PAPAR: Keluarga besar Order Franciscan Secular (SFO) berhimpun di Pusat Retret Pace Bene bagi mengikuti retret tahunan yang bertema *Melayani dan Mengasihi*.

Pembimbing retret, Frair Cruzendar Alex OFM, dibantu oleh Sr Dariah Ajap FSIC dan pasukan mereka, membantu memastikan kelancaran retret itu.

Setiap *fraternity* dari pelbagai paroki, termasuklah seorang *fraternity* dari St Mary Sandakan, biarpun telah uzur dan berjalan menggunakan tongkat, tetapi semangatnya untuk menghadiri retret itu mengagumkan para SFO lain.

Dalam retret itu, tiga soalan renungan diberikan kepada para peserta iaitu: Bagaimana saya dapat mengamalkan kerendahan hati dalam interaksi harian saya?



Tua dan bertongkat, bukan penghalang seorang *fraternity* SFO dari Sandakan untuk menyertai retret di Pace Bene.

Apakah tindakan kecil kasih dan pelayanan yang dapat saya masukkan dalam rutin harian saya? Bagaimana saya dapat lebih menyokong dan mengasihi saudara-saudari saya dalam Kristus?

Retret tahunan itu dimeriahkan dengan acara *Franciscan Joy* di mana tiap *fraternity* membuat persembahan pentas.

Para *fraternity* juga menonton video yang memaparkan lawatan mangsa banjir di daerah Penampang dan aktiviti menyalurkan sumbangan makanan ke *St Theresa of Infant Jesus Kg Kolopis*, Penampang.

Sesi terakhir iaitu sesi soal jawab diadakan sebelum Misa Kudus. Selepas Misa, Sdri Marina Anjuman selaku *National Minister SFO* mengucapkan terima kasih di atas kehadiran para *fraternity* SFO. — *Evelyn Justin*

Tanya Jawab



Adakah anda mempunyai persoalan agama, Kitab Suci atau ajaran Gereja? Hantarkan soalan anda ke:

HERALD
5, Jalan Robertson,
50150 Kuala Lumpur

Tel: 03-2026 8291
E-Mel:
liza@herald.com.my

Mengapa Yohanes Pembaptis tidak mengenal Yesus?

Soalan: Dalam Injil Yohanes, Yohanes Pembaptis yang memberikan kesaksian setelah Roh turun atas Yesus (Yohanes 1:32-34). Ada ayat daripada Yohanes Pembaptis yang mengelirukan saya. Dia berkata, "Aku pun tidak mengenal-Nya." Bukankah Yohanes Pembaptis sepupu Yesus? Mengapa dia tidak mengenali Yesus?

Jawapan: Kita sebenarnya boleh mendapatkan jawapannya dalam Injil Lukas. Dalam Lukas 1:80, setelah mengisahkan kelahiran Yohanes Pembaptis dan kidung Zakharia, pada ayat itu ada hal penting tentang Yohanes Pembaptis. Ayat itu berbunyi demikian:

Ada pun anak itu bertambah besar dan makin kuat rohnya. Dan dia tinggal di padang gurun sampai kepada hari dia harus menampakkan diri kepada Israel.

Menurut Yohanes Krisostomus (abad keempat) dan para Bapa Gereja lainnya menyatakan bahawa Yohanes Pembaptis tidak dibesarkan oleh keluarganya. Ini bererti dia tidak dibesarkan di Yerusalem.

Yohanes Pembaptis dibesarkan di padang gurun, terpisah dari keluarganya dan dia hanya menampakkan dirinya kepada semua orang ketika dia memulai pelayanan awamnya ketika pembaptisan.

Maka meskipun Yohanes Pembaptis dan Yesus sepupu, mereka tidak dibesarkan bersama. Yesus

Pemaisuri Perak berkenan rasmi 'Rumah Harapan'

IPOH: Raja Permaisuri Perak, Tuanku Zara Salim, merasmikan pelancaran 'Homes of Hope' atau Rumah Harapan iaitu kemudahan penginapan sementara direka untuk menyokong pesakit kanser yang kurang berasib baik.

Rumah Harapan merupakan penginapan percuma kerjasama Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) dan Caritas.

Pelancaran itu diadakan pada Ogos 8 bertempat di Persatuan Kanser Kebangsaan Malaysia (NCSM) cawangan Perak, dihadiri oleh Kardinal Sebastian Francis, Uskup Pulau Pinang; Dr Feisul Idzwan Mustapha, Pengarah Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) Perak; dan Datin Seri Aezer Zubin, isteri Menteri Besar Perak.

Tuanku Zara turut merasmikan Program Jelajah *Human Papillomavirus (HPV)* di seluruh Perak.

Program ini adalah sebahagian daripada kempen NCSM di seluruh negara yang bertujuan untuk menghapuskan kanser serviks di Malaysia dengan menawarkan imunisasi HPV secara percuma.

Kardinal Sebastian dalam ucapannya, menyatakan bahawa Keuskupan Katolik Pulau Pinang, yang meliputi negeri Pulau Pinang, Perak, Kedah, Perlis, dan Kelantan, bekerjasama dengan NCSM untuk menyokong inisiatif 'Rumah Harapan'.

Gereja komited dalam menyediakan bangunan tiga tingkat untuk 30 tahun akan datang bagi menampung keperluan pesakit kanser berpendapatan rendah dan penjaga mereka, semasa mereka menerima rawatan pesakit luar di



Jabatan Onkologi Hospital Raja Permaisuri Bainun di Ipoh.

swasta di Perak.

Di Pulau Pinang, Hospital Kanser Mount Miriam, sebuah hospital kepunyaan Gereja Katolik, menyediakan perkhidmatan untuk komuniti berpendapatan rendah.

Ia bekerjasama dengan Hospital Besar Pulau Pinang dalam menawarkan rawatan radioterapi untuk pesakit yang dirujuk oleh hospital kerajaan di Utara Semenanjung Malaysia.

Kardinal Sebastian mengakhiri ucapannya dengan menyatakan keterbukaan Gereja untuk membina lebih banyak pusat bantuan dengan semua orang demi kebaikan bersama rakyat Malaysia.

dibesarkan di Galilea sebagai anak tukang kayu, namun Yohanes Pembaptis membesar sebagai seorang petapa di padang gurun.

Melalui Naskah Laut Mati, serta dalam tulisan Josephus, ada mencatatkan tentang ahli komuniti orang Eseni, sebuah sekte Yahudi yang hidup selbat.

Mereka merupakan para lelaki selbat (tidak berkahwin) yang menjalankan pelbagai bentuk *asketisme*: puasa, berdoa dan membaca Kitab Suci seperti komuniti monastik atau para rabih.

Melalui tulisan Josephus dan sumber lain, komuniti Eseni tidak berkawin dan memiliki anak tetapi mereka mengambil anak dari orang lain dan membesar anak itu dalam komuniti monastik tersebut.

Hal seperti ini adalah perkara biasa dalam kalan-jan komuniti biara selama berabad-abad. Contohnya di Eropah, sebelum abad keempat, telah ada praktik dalam komuniti biara yang membesar anak lelaki iaitu anak yang diamanahkan oleh ibu bapanya untuk dibesarkan bersama para biarawan dan biarawati.

Kebanyakan pertapa padang gurun moden mengatakan Yohanes Pembaptis juga dibesarkan sedemikian. Setelah dia dilahirkan, kedua-dua orang tuanya mendedikasikan dan memberikan Yohanes kepada komuniti Eseni untuk dididik serta dibesar-

kan oleh komuniti itu.

Maka, Yohanes Pembaptis tidak membesar di Judea. Alkitab menyatakan bahawa Yohanes bertambah besar di padang gurun dan dia berada di padang gurun sehingga menampakkan diri di Israel.

Apa yang dimaksudkan oleh Yohanes Pembaptis bahawa dia tidak mengenali Yesus? Bapa Gereja kuno iaitu Sto Sirilius dari Yerusalem menjelaskan apa yang dimaksudkan oleh Yohanes Pembaptis ialah dia tidak mengenali Yesus dari Nazaret dari segi penampilan-Nya.

Bagaimana Yohanes Pembaptis dapat mengenali Yesus? Yohanes Pembaptis dapat mengenali-Nya bukan kerana hubungan keluarga namun melalui wahyu Ilahi.

Dengan kata lain, melalui penampakan Roh Kudus dan manifestasi ketika pembaptisan Kristus, Yohanes Pembaptis mengenal bahawa Yesus adalah Sang Mesias, Anak Tuhan yang akan membaptis dengan Roh Kudus.

Apa yang lebih penting ialah kesaksian Yohanes Pembaptis di mana dia menyaksikan Roh turun atas Yesus maka Yesuslah yang akan membaptis dengan Roh Kudus. Sebagaimana yang kita baca dalam Injil, Yohanes berkata, "Dia yang datang kemudian daripada ku lebih berkuasa daripada ku" (bdk. Matius 3:11). — *Aleteia*

Sahabat Kecil Yesus

Cari barang-barang yang tersembunyi pada gambar Hana, ibu kepada Nabi Samuel yang sedang berdoa di bait Tuhan: Boomerang, mangkuk, cawan, donut, ikan, layang-layang, sepotong limau, tali kasut dan ular.



**HARI DOA SEDUNIA UNTUK
PEMELIHARAAN
CIPTAAN/SEASON OF
CREATION (SEPTEMBER 1-4)**



Hello adik-adik,

Tahukah adik-adik bahawa pada September 1 hingga 4, Gereja Katolik bersama Gereja Ortodoks merayakan Musim Penciptaan?

"Bumi dipercayakan kita untuk kita pelihara" (Imamat 25:23).

Bapa Suci Fransiskus mengambil tema "Harapan dan Tindakan dengan

Penciptaan" untuk Musim Penciptaan tahun ini.

Tema ini diambil dari surat Santo Paulus kepada Jemaat di Roma (8:19-25), di mana Rasul itu menjelaskan apa erti hidup menurut Roh.

Sto Paulus juga mengatakan dengan berfokus pada pengharapan, pasti keselamatan akan lahir daripada iman iaitu hidup baharu

dalam Kristus."

Adik-adik, antie pasti di sekolah dan di Gereja, adik-adik pasti sudah biasa dengan kempen alam sekitar. Antie berharap, kempen-kempen itu tidak diabaikan kerana sebagai umat Kristian, peduli kepada alam ciptaan ialah salah satu tindakan iman.

Antie Melly

- Tidak menyebarkan
- Tidak terhadap temannya
- Tidak cela pada tetangganya
- Tidak memandang orang yang akan Tuhan

= berbuat jahat = tersingkir

= fitnah = menimpakan

= takut = hina

BELIA MILENIUM

Belia beri testimoni impak hebat KAYA30



KOTA PADAWAN, Kuching: Program Kerasulan Belia Keuskupan Kuching ke-30 (KAYA30) yang berakhir pada bulan Mei lalu. Setelah beberapa bulan berlaku, apakah impaknya kepada lebih 100 peserta yang menyertai KAYA30 selama empat minggu?

Adrian Aden anak Anderson merupakan peserta program KAYA29, kini melayani sebagai fasilitator KAYA30. Meskipun sibuk dengan pengajianannya, Adrian tidak menyesal melayani dalam KAYA30 kerana banyak perkara baharu dalam KAYA 30 yang membawa hasil dalam menjalankan harian saya sebagai umat Kristian sekali gus membakar semangat saya untuk terus melayani Tuhan.

Sangat menggembirakan apabila Adrian berkongsi, "melalui pelayanan saya dalam program KAYA30, saya dapat mengetahui panggilan

saya untuk menjadi paderi semakin kuat!

Dymphna Elviela Daniela anak Daniel dari Paroki St Ann Kota Padawan, membantu dalam *Logistic and Technical Ministry* untuk *Solidarity Night* bagi program KAYA30.

Katanya, "Sebelum saya menyertai program KAYA, saya seorang yang antisosial, kurang keyakinan dan saya juga seorang yang sukar percaya kepada orang lain."

Melalui homili yang disampaikan oleh para paderi, pelbagai sesi dan aktiviti dalam kumpulan, "Saya semakin berani untuk memperbaiki diri dan berdepan dengan orang lain serta membawa Tuhan dalam apa jua yang saya lakukan selepas program KAYA30."

"Saya juga banyak mempelajari doa yang selama ini saya tidak tahu pun tentang kehadiran doa-doa tersebut. *Taize, Divine Mercy, Holy Hour; Praise and Worship* adalah baharu bagi saya.

Tanpa disedari, doa-doa ini membantu membina peribadi Dymphna

Elviela Daniela.

"Saya ingin berterimakasih atas peluang untuk berkongsi, terutamanya kepada Keluarga KAYA 30, peserta, *service team* dan ibu bapa saya," kata Dymphna.

Empat aspek utama yang menjadi fokus KAYA ialah pembentukan rohani, pembentukan manusawi, pembentukan pastoral, dan pembentukan kehidupan bersosial.

Sepanjang program KAYA30 selama sebulan, peserta dilibatkan dalam Misa Kudus harian, doa berkumpulan, kuliah, sesi dan bengkel, aktiviti kumpulan dan tugas seperti menjaga kebersihan.

Peserta juga dihantar ke kampung, kawasan perumahan, paroki dan kampung, semuanya dalam wilayah Keuskupan Agung Kuching, di mana mereka menjalankan penginjilan, melakukan kerja-kerja amal, dan belajar daripada orang yang berbeza melalui pengalaman yang berbeza dalam konteks kehidupan Katolik. — *sumber Today's Catholic*

Khabar Belia Asia

Kaum muda Nepal terbit dokumentari iman Katolik dan budaya Orang Asli

TIPLING, Kathmandu, Nepal: Sebuah kumpulan belia Katolik di Nepal telah menerbitkan filem dokumentari pendek yang menonjolkan tradisi budaya masyarakat Tamang di Tipling, sempena Hari Antarabangsa Orang Asli Sedunia ke-30.

Diterbitkan oleh ahli kumpulan FA MULAN SIGNIS di bawah naungan *International Movement of Catholic Students* (IMCS), filem yang bertajuk "*The Convergence of Indigenous Tamang Tradition and Catholic Faith in Tipling*," memperlihatkan bagaimana masyarakat Tamang mengintegrasikan budaya Orang Asli mereka dengan iman Katolik.

Dokumentari ini merakamkan pelbagai amalan Orang Asli Tamang yang unik seperti ritual memotong rambut tradisional dan perasmian garam. Adat resam itu berfungsi sebagai bukti

identiti budaya mereka yang kuat, yang tetap diteruskan walaupun masyarakatnya beragama Katolik.

"Orang Asli sangat akrab dengan alam semula jadi dan etos, kosmologi dan falsafah. Agama Katolik juga amat menjunjung empat perkara ini. Inilah salah satu sebab ramai Orang Asli Tipling menerima agama Kristian," kata Uskup Paul Simick, Vikaris Apostolik Nepal dan Uskup Titular Maturba, dalam filem itu.

Dokumentari itu juga memaparkan temu bual dengan beberapa Orang Asli, belia, warga emas dan pemimpin-pemimpin agama.

Dokumentari singkat itu telah dilancarkan pada Hari Antarabangsa Orang Asli Sedunia ke-30, yang disambut secara global setiap Ogos 9. — *LicasNews*



Belia Katolik Nepal menerbitkan dokumentari Orang Asli Katolik Tamang yang masih tebal dengan adat budaya mereka dan tidak bertentangan dengan ajaran Katolik.

Pelajar 'keluar' bilik darjah fahami perjalanan Misa Kudus

PETALING JAYA: Pelajar Katekismus dari Gereja Assumption berpeluang memperdalamkan pengetahuan mereka tentang Misa Kudus.

Susulan retret hujung minggu para pemimpin awam pada Mac 2024 lalu, idea yang membantu mencintai Ekaristi dalam kalangan pelajar Katekismus, dilaksanakan

dalam kalangan pelajar Tingkatan Tiga hingga Lima, bermula Jun lalu.

Dalam program itu, para pelajar dibawa keluar dari kelas mereka dan dibawa ke bangunan Gereja.

Seterusnya, Ketua belia, Leonard Soyza dan Alex Fulton, menerangkan bahagian-bahagian liturgi dan penerangan mengenai simbol,

maksud-maksud penting dalam tatacara liturgi Misa Kudus serta penerangan tentang peralatan rohani yang digunakan sepanjang Misa Kudus.

Pembelajaran di luar kelas Katekismus ini diakhiri dengan kepentingan keheningan dalam Misa Kudus.



Para uskup pupuk semangat Gereja misionari sinodal di Asia

BANGKOK: Federasi para Uskup Asia (FABC) mengadakan mesyuarat tiga hari di Bangkok pada Ogos 5 hingga 8, bagi membincangkan usaha menyuburkan Gereja yang bersifat misionari menjelang sesi kedua Sinode para Uskup, Oktober ini.

Kardinal Stephen Chow, SJ. dari Hong Kong menekankan elemen-elemen unik budaya Asia dalam mengekalkan hubungan harmoni dan perpaduan. Katanya nilai-nilai ini penting untuk memupuk perjalanan sinodal Gereja.

"Pertemuan itu berusaha mencari inspirasi baharu melalui perpaduan dan merangkul jalan sinodaliti dalam Gereja — inilah sumbangan Gereja-gereja di Asia untuk Gereja sejagat," katanya.

Walaupun ketiadaan perwakilan dari tanah besar China, Kardinal Chow menjelaskan kepentingan untuk memasukkan pengalaman serta keadaan semasa Gereja di China dan Hong Kong dalam perbincangan.

Prelatus itu berhasrat untuk merapatkan jurnal dan mempromosikan dialog yang kom-



38 perwakilan dari 17 negara Asia berhimpun selama tiga hari di Bangkok sempena mesyuarat tentang sinodal.

prehensif dalam rangka kerja universal Gereja.

Semasa mesyuarat itu, para uskup mendengar laporan peribadi daripada para paderi muda dari Jepun, Filipina, India dan Myanmar yang menghadiri perhimpunan Paderi Paroki Sedunia di Roma pada penghujung April lalu.

Perbincangan mengenai *Instrumentum Laboris*, dokumen kerja untuk Sinode, menumpukan bagaimana Gereja boleh mewujudkan kehadiran misionari sinode di Asia.

Ini memerlukan peningkatan karya-karya penginjilan, meneroka aspek asas kehidupan sinode dan tanggungjawab bersama mengukuhkan perpaduan Gereja di bawah bimbingan Sri Paus.

Vanessa Cheng Siu-wai, yang mewakili Hong Kong ke sinode di Roma pada tahun lalu, menyampaikan penghargaannya atas proses penelitian yang mencerminkan pengalaman keuskupan Asia dalam memupuk semangat sinodal sejak sesi sinode pertama, Oktober ta-

hun lepas.

"Walaupun latar belakang kita berbeza, semangat dan usaha kita dalam mempromosikan sinodaliti membina ikatan yang kukuh di kalangan kita," katanya.

Mesyuarat di Bangkok itu diakhiri dengan nada penuh harapan, di mana para perwakilan menyatakan semangat perpaduan yang diperbaharui, yang mereka jangka akan memberi inspirasi kepada sesi sinode yang akan datang dan seterusnya. — *LiCAS.news*

Caritas Filipina perbaharui komitmen

MANILA: Caritas Filipina telah memperbaharui komitmennya untuk lebih teguh dan strategik terhadap penjagaan ekologi, selaras dengan pesan Sri Paus Fransiskus sempena Musim Penciptaan 2024.

"Sebagai pengurus tindakan sosial dan ekologi Gereja, kita harus mengukuhkan komitmen kita terhadap penjagaan ekologi melalui inisiatif strategik, konkret dan berkesan bagi menangani krisis alam sekitar yang mendesak ini," kata Caritas Filipina dalam satu kenyataan.

Kenyataan Caritas Filipina diterbitkan susulan kemerosotan alam sekitar yang ketara di seluruh negara itu, yang ketara dapat dilihat melalui perlombongan arang batu dan projek-projek berbahaya kepada alam dan tumpahan minyak.

Tindakan ini, adalah contoh nyata kerosakan alam yang diburukkan lagi oleh aktiviti-aktiviti ekonomi yang tidak mampan.

"Adalah menjadi tanggungjawab kita ber-

sama untuk bertindak bagi mereka yang paling terjejas disebabkan kemerosotan alam sekitar dan perubahan iklim," kata Caritas Filipina.

Organisasi Katolik itu menyeru rakyat Filipina untuk berjuang menyelamatkan alam sekitar dan menghalang pencabulan hak asasi manusia, menggesa rakyat bagi memperjuangkan keadilan serta menjaga persekitaran bersama semasa Musim Penciptaan.

Dalam pesannya sempena Musim Penciptaan tahun ini, Sri Paus Fransiskus menyatakan kemajuan teknologi yang bermula dua, yang meskipun telah mendorong kita ke hadapan, ia juga mempunyai potensi menyebabkan kemudaratian yang ketara.

Pelatus itu menekankan kepentingan menegakan sempadan etika, khususnya dalam hal kecerdasan buatan (AI), untuk mengelakkan teknologi ini daripada memburukkan lagi krisis manusia dan alam sekitar. — *LiCAS.news*



Uskup Jose Colin Bagaforo presiden Caritas Filipina menyertai projek menanam bakau di pekan Lobo, Batangas, Filipina.



VATIKAN: Hukuman mati menggalakkan sikap membalas dendam yang mematikan dan menafikan kemungkinan perubahan dalam kehidupan orang yang dipenjarakan, kata Sri Paus Fransiskus.

"Hukuman mati sama sekali bukan penyelesaian atau cara menoktahkan keeganasan kerana ia boleh menyerang orang yang tidak bersalah," tulis Sri Paus dalam kata pengantar buku baharu mengenai penaung penjara.

Bapa Suci menulis bahawa, "Hukuman mati jauh daripada membawa keadilan,

menyemarakkan rasa dendam yang menjadi racun berbahaya bagi anggota-anggota masyarakat awam kita."

Buku yang memaparkan mukadimah dari Sri Paus bertajuk "*A Christian on Death Row*," berkongsi pengalaman Dale Recinella, seorang peguam Katolik, bersama isterinya, telah meneman orang yang dihukum mati dan dalam kurungan bersendirian di Florida penjara sejak 1998.

Buku yang diterbitkan oleh pejabat penerbitan Vatikan itu mula dijual pada Ogos 27

VATIKAN: Selepas doa *Angelus* pada Ogos 18, Sri Paus Fransiskus memuji kehidupan tiga orang misionari Itali dan seorang paderi Congo yang dibeatifikasi di Keuskupan Uvira, Republik Demokratik Congo (DRC) pada hari yang sama.

Bapa Suci memohon kepada empat misionari matir itu para beato itu dapat mendoakan keamanan dan perdamaian di DRC yang dilanda konflik.

Para misionari Xavieren: Fr Luigi Carrara, Fr Giovanni Didonè, Bro Vittorio Faccin dan seorang paderi keuskupan Congo, Albert Joubert telah dibunuh pada November 28, 1964.

"Semoga teladan dan kemartiran mereka memupuk laluan perdamaian dan keamanan demi kebaikan rakyat DRC," kata Bapa Suci yang mengadakan doa Angelus di Dataran Sto Petrus, Kota Vatikan.

Para misionari itu dilaporkan mati martir oleh militan, setelah mengambil bahagian dalam Pemberontakan Kwilu (1963–1965), pemberontakan awam yang berlaku di Barat, yang kini dikenali sebagai DRC.

Gereja-gereja pada ketika itu dirompak dan

Empat orang misionari Xavieren dan seorang paderi keuskupan dibeatifikasi di Keuskupan Uvira, DRC pada Ogos 18, 2024.

mengalami penganiayaan yang meluas, berulang-ulang sehingga memaksa ramai misionari meninggalkan tempat itu. Namun, para Xavieren telah memutuskan untuk tinggal di Congo.

Menurut laporan, sebuah jeep tentera berhenati di hadapan Gereja di Baraka dan ketua pengganas mengarahkan Fr Luigi untuk mengikuti mereka. Namun Fr Luigi menolak maka dia dibunuh.

Fr Giovanni yang sedang mendengar pengakuan pada ketika itu, keluar untuk melihat apa yang terjadi, beliau juga enggan mengikuti kumpulan militan itu, berlutut di hadapan jenazah Fr Luigi yang mati ditembak. Akhirnya Fr Giovanni juga ditembak mati.

Kumpulan militan itu kemudian pergi ke mision Fizi, di mana mereka membunuh Bro Vittorio dan Fr Albert Joubert.

Khabarnya, jenazah para misionari itu diheret dan dihina. Bagaimanapun, salah seorang anggota militan yang melakukan penganiayaan itu, akhirnya bertobat dan memeluk agama Katolik. — *media Vatikan*

Hukuman mati jadi 'racun' balas dalam masyarakat

VATIKAN: Hukuman mati menggalakkan sikap membalas dendam yang mematikan dan menafikan kemungkinan perubahan dalam kehidupan orang yang dipenjarakan, kata Sri Paus Fransiskus.

"Hukuman mati sama sekali bukan penyelesaian atau cara menoktahkan keeganasan kerana ia boleh menyerang orang yang tidak bersalah," tulis Sri Paus dalam kata pengantar buku baharu mengenai penaung penjara.

Bapa Suci menulis bahawa, "Hukuman mati jauh daripada membawa keadilan,

lanu.

Bapa Suci menyatakan karya Dale itu adalah "saksi hidup dan bersemangat akan belas kasihan Tuhan yang tidak terhingga dan buku itu hadiah hebat untuk Gereja."

Menjelang Tahun Jubli 2025, Sri Paus menulis, umat Katolik harus "secara kolektif bersatu memansuhkan hukuman mati."

"Seperti yang diajarkan oleh Jubli Belas Kasihan, kita tidak boleh berfikir bahawa ada dosa, kesilapan atau tindakan kita yang menjauhkan kita secara kekal daripada Tu-

han kerana Hati-Nya telah disalibkan untuk kita," tulisnya. "Dan walau sebesar mana pun dosa kita, Dia boleh memaafkan kita."

Pada tahun 2018, Sri Paus Fransiskus secara rasmi mengubah Katekismus Gereja Katolik untuk menentang hukuman mati.

Meskipun sebelumnya memperbolehkan hukuman mati dalam kes-kes ekstrem, ia diubah bahawa hukuman mati "tidak dapat diterima" serta menyatakan Gereja "berusaha keras untuk menghapus hukuman mati di seluruh dunia." — *CNA*

AUDIENSI HARI RABU BERSAMA SRI PAUS FRANSISKUS



Dosa menjadikan kita ‘minyak busuk’

VATIKAN: Pembaptisan Yesus mendangkan “saat yang sangat penting” dalam Wahyu dan sejarah keselamatan, kata Sri Paus Fransiskus Audiensi Umum hari Rabu di Dewan St Paul VI.

Sri Paus meneruskan katekesisnya tentang Roh Kudus. Pada Ogos 21 lalu, prelatus itu menjelaskan turunnya Roh Kudus ke atas Yesus semasa pembaptisan-Nya di Sungai Jordan.

Bapa Suci menggalakkan semua umat untuk membaca semula petikan Injil ini. Injil menegaskan, Tuhan dinyatakan sebagai Putera Terkasih Bapa, dan Tuhan telah diurapi oleh Roh sebagai permulaan pelayanan umum-Nya.

Sebagai Mesias, Imam, Nabi dan Raja, Yesus menganugerahkan Roh kepada kita, ahli Tubuh mistik-Nya, Gereja.

Dalam Pembaptisan, setiap daripada kita diurapi dengan minyak wangi krisma “sebagai tanda perkongsian kita

dalam kehidupan Kristus” dan “misi kita untuk menyebarkan keharuman kehadiran-Nya yang menyelamatkan kita.”

Pengurapan menjadikan kita harum dan seseorang yang menjalani urapannya dengan sukacita menjadikan Gereja harum, menjadikan masyarakat harum, menjadikan keluarga harum dengan aroma rohani ini.

Pada masa yang sama, Sri Paus memberi peringatan, “malangnya, kadang-kadang orang Kristian tidak menyebarkan keharuman Kristus sebaliknya bau busuk dosa mereka sendiri.”

“Dan jangan sekali-kali kita lupa: dosa menjauhkan kita daripada Yesus, dosa menjadikan kita menjadi minyak yang busuk,” tegasnya sambil memperingatkan hadirin tentang tipu daya syaitan.

Sri Paus Fransiskus menggalakkan umat beriman untuk menjadi seperti orang yang dirujuk oleh Sto Paulus

dalam suratnya kepada orang Galatia, iaitu seorang yang berbudi luhur, setia dalam kasih dan tidak sompong.

Pada akhir audiensinya, Bapa Suci mengulangi seruan untuk keamanan di tempat-tempat yang dilanda perang dan konflik dan menyatakan kedekatan dengan penduduk yang menderita.

Berucap kepada para penziarah, Sri Paus mengenang penderitaan besar Ukraine yang dilanda perang, menggesa semua umat beriman supaya tidak melupakan negara yang terkepung itu.

“Jangan kita lupakan Ukraine yang martir. Jangan kita lupakan Myanmar, Sudan Selatan, Kivu Utara dan begitu banyak negara yang sedang berperang.”

Sri Paus juga berdoa untuk mereka yang menderita akibat perang di Tanah Suci. “Mari kita berdoa untuk keamanan,” katanya berulang kali. — media Vatikan

Empat perkara penyebab kegagalan rumah tangga

1. Teknologi dan telefon pintar

Telefon pintar ialah salah satu penyebab terbesar dalam menyebabkan ketegangan dalam perkahwinan kerana ia boleh mengalihkan perhatian anda daripada apa yang perlu dilakukan di rumah atau bersama keluarga anda.

Tidak dinafikan telefon pintar membantu menjadikan tugas-lebih mudah dan terbukti dapat menjimatkan masa tetapi tidak menghairankan ia akan melekat secara kekal di tangan kita serta tumpuan kita juga asyik pada layarnya.

Apa yang boleh anda lakukan?

Sebenarnya mudah sahaja iaitu mematikannya. Mudah tetapi sukar untuk dilakukan. Tetapi jika anda bersungguh-sungguh berusaha untuk mencecahkan kembali keluarga, letakkan telefon dalam keadaan senyap. Atau ambil langkah kecil untuk mengelepikan te-telefon pintar anda misalnya semasa makan.

2. Suami tidak bekerja

Mempunyai suami penganggur bukanlah aib. Namun, bila suami sudah terlalu lama tidak bekerja dan malas untuk mencari pekerjaan baharu, ini dapat menjadi duri dalam rumah tangga.

Apa yang boleh anda lakukan?

Beberapa alasan suami malas bekerja mungkin karena mengalami *burnout*, tidak puas dengan pekerjaan sebelumnya, atau memiliki masalah mental yang belum dapat diselesaikan.

Kunci utama ialah komunikasi. Selain



berbicara dengan intonasi yang lembut dan tegas, penting juga untuk menjadi seorang pendengar yang baik. Kenal pasti masalah akar. Jika masalah itu berpunca daripada tekanan, segeralah temani suami anda kepada pakar!

3. Komunikasi yang lemah

Masih lagi berkaitan telefon pintar itu? Telefon pintar menyebabkan malapetaka dalam banyak cara. Kita terlalu banyak memerhatikan skrin telefon sehingga seni perbualan hilang.

Anda pasti perasan apabila anda berada di luar, sebilangan pasangan yang pergi ke restoran, hampir tidak bercakap antara satu sama lain kerana lebih suka melihat ke arah telefon mereka.

Jika pasangan terlupa cara berko-

munikasi, ada bahaya yang menanti iaitu peningkatan dalam salah faham.

Apa yang boleh anda lakukan?

Sekali lagi, sudah tiba masanya untuk meletakkan telefon. Cuba dan tetapkan sekurang-kurangnya satu malam dalam seminggu di mana telefon dimatikan.

Elakkan membawa telefon ke dalam bilik tidur dan berusaha meluangkan masa setiap hari berkongsi khabar antara satu sama lain.

4. Trust Issues

Walaupun media sosial mewujudkan jangkaan-jangkaan menakjubkan, ia juga boleh menanam rasa tidak percaya dalam pasangan.

Orang boleh berhubung semula dengan cinta masa lalu, atau berhubung dengan orang yang tidak dikenali yang boleh membawa mereka ke jalan yang sangat berbahaya.

Jika pasangan anda lebih sibuk berinteraksi dalam talian dengan “rakan” berbanding dengan anda maka ini hanya akan menimbulkan rasa cemburu dan syak wasangka.

Malah, menurut peguam keluarga, Facebook dapat menjadi punca penceraihan tertentu dalam beberapa tahun kebelakangan ini.

Apa yang boleh anda lakukan?

Sesetengah pasangan mendambakan privasi dalam perkahwinan mereka namun berkongsi akaun media sosial dapat memupuk kepercayaan serta mewujudkan amalan telus sekaligus mengelakkan godaan. — Aleteia

PENULIS BERKICAU

200 jenis sakit jiwa

Dalam seminar berkaitan kesedaran penyakit mental yang dianjurkan oleh sebuah paroki, saya terkejut ada 200 jenis penyakit jiwa.

Oleh itu, saya menyokong misi Gereja untuk menghapuskan halangan yang menghalang orang daripada menemui Kristus. Adalah penting bagi individu memahami sepenuhnya kasih Tuhan kepada mereka.

Individu sering datang ke Gereja untuk mendapatkan sokongan semasa kesusahan. Malangnya, banyak paroki kekurangan sumber untuk membantu individu yang mengalami trauma psikologi.

Biasanya, paderi, religius dan orang awam yang bertauliah dalam bidang kaunseling hanya dapat ditemui di pejabat keuskupan agung.

Ada juga usaha menawarkan kursus kaunseling bagi melatih orang awam sebagai kumpulan sokongan mereka yang mengalami gangguan jiwa. Namun, disebabkan ini merupakan sebuah pelayanan yang memerlukan komitmen yang tinggi, sangat normal melihat mereka yang terlatih, tidak dapat meneruskan pelayanan mereka.

Mungkin juga disebabkan stigma masyarakat tentang penyakit mental, kesihatan mental tidak menerima tahap pengiktirafan yang sama seperti isu kesihatan fizikal lain seperti pengguguran, skandal seksual atau perkahwinan gay.

Paling malang apabila penyakit mental dikaitkan sebagai “hukuman Tuhan”. Saya percaya pada kuasa doa dan peranannya dalam penyembuhan psikologi. Maka penting untuk menyedari bahawa penyakit mental tidak boleh dianggap sebagai satu bentuk hukuman Ilahi.

Setiap individu, tanpa mengira penderitaan mereka, dicipta menurut gambar dan rupa Tuhan (Kejadian 1:27) dan layak untuk diperlakukan dengan kasih sayang dan martabat mereka harus dihormati.

Dalam Seruan Apostoliknya kepada Orang Muda (*Christus Vivit*, 149), Sri Paus Fransiskus mengakui aspirasi individu muda yang menghadapi cabaran kesihatan mental, menekankan kebolehan unik mereka dan menyeru agar mereka dilibatkan dan dihargai dalam komuniti.

Oleh sebab itu, adalah penting untuk mewujudkan perbincangan terbuka dan tidak menghakimi tentang kesihatan mental dalam komuniti paroki. Ini boleh dicapai melalui bengkel, memanfaatkan harta pengetahuan Gereja seperti kerohanian Benediktin atau Ignatius untuk kehidupan yang seimbang.

Keluarga juga harus diajak untuk menyedari bahawa mereka boleh menjadi platform menangani cabaran kesihatan mental! Keluarga boleh menjadi pasukan penyokong dan membawa ahli keluarga mereka yang berpenyakit mental untuk berdoa atau membawa mereka yang bermasalah menemui pakar.

Ada kejadian di mana keluarga bertungkus lulus mengadakan doa untuk ahli keluarga mereka yang berpenyakit mental. Ini memang baik tetapi penting untuk memahami bahawa iman dan doa bukan pengganti terapi atau ubat sebaliknya ia boleh melengkapkan rawatan psikologi.

Jika kita hanya bergantung kepada doa dan devosi untuk ahli keluarga kita yang bermasalah jiwa, kita juga mungkin berasa tidak senang kerana kita tidak dapat meramalkan bila penyembuhan itu akan berlaku dalam hidup ini. Ia boleh berlaku hari ini, esok atau mungkin hanya di syurga.

Jangan malu apabila ada ahli keluarga kita yang mengalami kemurungan atau masalah jiwa. Bawa mereka dalam doa dan jangan lupa mendapatkan rawatan.

Sejak dua dekad ini, kemajuan perubatan semakin moden dan dapat menyembuhkan ramai pesakit mental.

Malah semua hospital dan klinik kesihatan di Malaysia mempunyai anggota yang telah dilatih untuk memberi rawatan kepada mereka yang mengalami masalah penyakit mental.

Untuk tangisan Bumi: Kami berdoa agar setiap daripada kita akan mendengar dan peka akan seruan Bumi dan mangsa bencana alam dan perubahan iklim, dan semua akan berusaha untuk menjaga dunia tempat kita hidup secara peribadi.

September 1, 2024

RPA2024, perkuat seruan merealisasikan Gereja Sinodal

KUALA LUMPUR: Perhimpunan Pastoral Serantau 2024 (RPA2024) untuk Semenanjung Malaysia yang berlangsung dari Ogos 25 hingga 27, 2024 di Pusat MAJODI di Plentong, Johor, menandakan lebih daripada sekadar perhimpunan klerus, religius dan rasul awam.

Ia adalah kesinambungan perjalanan yang bermula dengan *Aggiornamento* pada tahun 1976 — satu perjalanan di mana Gereja di Semenanjung Malaysia berjuang “berjalan bersama” sebagai komuniti beriman yang bersatu.

Berlatarbelakangkan kekayaan sejarah pastoral yang menjangkau hampir lima dekad, RPA2024 adalah sebahagian daripada misi pembaharuan dan transformasi Gereja yang berterusan.

Sejak awal *Aggiornamento* yang bertujuan untuk menyelaraskan Gereja dengan dunia moden, sehinggalah kepada persiapan untuk Konvensyen Pastoral Malaysia

2026 (MPC2026), Gereja secara konsisten berusaha untuk mendengar, meneliti dan berjalan bersama dalam iman.

Tema untuk RPA2024, “Meraikan, Mendengar dan Berjalan Bersama dalam Semangat Komuniti, Partisipasi dan Misi, menggambarkan intipati perjalanan yang berterusan ini dengan indah”.

Melalui tema, ia menyeru umat beriman untuk merenung masa lalu, melibatkan diri secara aktif pada masa kini dan berjalan dengan yakin ke masa depan, dibimbing oleh Roh Kudus.

Inti kepada RPA2024 ialah proses “Perbualan dalam Roh” (*Conversation in the Spirit*), kaedah untuk meneliti serta merenung dalam proses sinode yang dimulakan oleh Sri Paus Fransiskus.

Perbualan dalam Roh menekankan pendengaran aktif dan bercakap dari hati, menggalakkan peserta untuk melibatkan diri secara

mendalam antara satu sama lain dengan dorongan Roh Kudus.

Msgr Jude Miranda, pengurus Pasukan Pastoral Semenanjung Malaysia, menekankan bahawa RPA bertujuan untuk menjadi proses yang dipacu dari akar umbi iaitu melibatkan semua umat —klerus, religius dan orang awam serta memastikan setiap suara didengar dan dihargai.

Uskup Agung Julian Leow dari Keuskupan Agung Kuala Lumpur, berkongsi visinya untuk Gereja, khususnya memberi tumpuan kepada peranan belia sebagai pemimpin masa depan Gereja.

Menjelaskan empat bidang utama yang dibincangkan di RPA — Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat — Uskup Agung Julian menyerlahkan belia sebagai “Harapan untuk Gereja Semenanjung Malaysia terletak pada kaum mudanya.”

Kardinal Sebastian Francis,



Uskup Pulau Pinang, menekankan kesinambungan perjalanan Gereja dari peringkat tempatan ke Gereja universal di bawah bimbingan Sri Paus Fransiskus.

Prelatus itu menyatakan kepentingan proses sinodal yang bermula dengan panggilan Bapa Suci Fransiskus untuk Gereja Sinodal yang sejarah dengan visi Uskup Malaysia untuk MPC2026.

“Merayakan-Mendengar-Berjalan Bersama” sebagai strategi yang baik, proses yang bermula dari kesetiaan kepada Roh Kudus dan kesetiaan ini memimpin jalan Gereja menuju ke kerajaan Syurga.

Uskup Melaka Johor, Bernard Paul mengatakan RPA2024 adalah peluang untuk mendengar Roh

Kudus dan menjawab keperluan pastoral Gereja dengan iman serta keberanian.

Renungan, katekesis para klerus serta perbualan dalam Roh semasa RPA2024 telah memberikan pandangan berharga tentang tujuan dan kepentingan dalam empat bidang utama: Keluarga, Gereja, Ekologi dan Masyarakat.

RPA2024 bukan sahaja memberikan buah-buah yang baik untuk Gereja Semenanjung Malaysia tetapi untuk Gereja Malaysia dalam persiapan perhimpunan yang menghimpunkan para klerus, religius dan umat awam dari seluruh negara iaitu Perhimpunan Pastoral Malaysia 2026.

Lawatan guru pembimbing PMG KSFX ke asrama Butitin, Nabawan

KENINGAU: Seramai 25 orang pembimbing Pertemuan Minggu Gembira (PMG) dari Katedral St Francis Xavier (KSFX) mengadakan lawatan amal ke asrama Butitin di daerah Nabawan.

Asrama Butitin dikendalikan oleh *De La Salle Brothers*, yang merupakan kemudahan penginapan atau asrama untuk pelajar kurang bernasib baik bagi membolehkan mereka menghadiri sekolah secara berkala.

Lawatan ke asrama Butitin ini merupakan salah satu program tahunan para pembimbing PMG paroki KSFX.

Tujuan program ini adalah untuk memberikan sokongan moral kepada para *La Salle Brothers* yang berjuang menyediakan persekitaran baik, pendidikan kemanusiaan dan rohani kepada pelajar-pelajar di sekitar daerah Nabawan, tanpa mengira agama dan bangsa.

Semasa lawatan, kumpulan pembimbing PMG telah menyampaikan

kan sumbangan berupa wang tunai, keperluan harian dan pakaian yang disumbangkan oleh ibu bapa pelajar PMG.

Semasa berada di asrama kendarian *De La Salle Brothers* itu, para pelawat disambut dengan persembahan penghuni asrama Butitin, berkenalan dengan para penghuni asrama, taklimat tentang sejarah penubuhan dan perkhidmatan asrama Butitin, lawatan sekitar kawasan asrama diikuti sesi makan bersama.

Para pembimbing PMG tersentuh dengan pelayanan *De La Salle Brothers* yang menunjukkan kasih Kristus melalui pendidikan. Mereka bukan sahaja menyediakan penginapan tetapi membantu para pelajar menjalani rutin kehidupan berdisiplin, membayai kelas-kelas tambahan serta menyediakan kemahiran bagi pelajar agar para pelajar miskin ini dapat memperbaiki kualiti kehidupan sekaligus memutuskan rantai kemiskinan.



Konferensi tahunan ECMI fokus pelayanan migran dan pelarian



GENTING HIGHLANDS: Komisi Episkopal untuk Migran dan Orang yang Berpindah Randah (ECMI) mengadakan persidangan tahunannya dari Ogos 5-7 lalu.

Lawatan ini dihoskan oleh Keuskupan Agung Kuala Lumpur di Villa Dominic, Genting Highlands. Acara itu menghimpunkan 32 ahli dari keuskupan di seluruh Malaysia, Singapura dan Brunei untuk membincangkan dan meningkatkan sokongan mereka terhadap komuniti pendatang dan orang yang berpindah randah.

Persidangan dimulakan dengan webinar yang dianjurkan oleh Federasi para Uskup Asia yang menyampaikan refleksi serta perancangan untuk Hari Migran dan Pelarian Sedunia 2024.

Hari kedua dimulakan dengan sesi input rohani oleh Fr Alvin Ng SJ, mengenai Kerohanian Sinodal

dalam Kerja-kerja dalam pelayanan Gereja.

Fr Alvin menekankan kepentingan mewujudkan ruang atau peluang untuk orang lain dalam pelayanan, mendengar orang lain dan mencari titik persamaan.

Fr Alvin menggesa para hadirin untuk mengenali dan menangani keperluan pendatang, menekankan bahawa Gereja tidak boleh mengabaikan mereka.

Sesi petang menampilkan Fr Fabian Dicom, Pengarah Pejabat Nasional Caritas, yang membincangkan bidang yang berpotensi untuk kerjasama yang lebih baik antara ECMI dan Caritas misalnya dalam hal hak asasi manusia, isu-isu kesejahteraan bersama dan perpaduan.

Pada hari terakhir, para peserta dibawa ke Kuala Lumpur untuk lawatan ke pelbagai NGO dan kumpulan pelarian.

Para peserta mengunjungi

komuniti pelarian, pusat perlindungan pelarian, Pusat Usahawan Wanita Pelarian dan Pusat Perubatan Pelarian.

Lawatan itu memberi kefahaman mendalam dalam kalangan peserta tentang realiti yang dihadapi oleh pelarian dan menyuntik semangat mereka untuk terus menyokong mereka.

Para peserta kemudiannya berhimpun di Pusat Pastoral Keuskupan Agung di KL untuk berkongsi pemerhatian mereka dari lawatan tersebut.

Persidangan itu diakhiri dengan Misa yang dipimpin oleh presiden ECMI, Uskup Bernard Paul, meraih perhimpunan yang berjaya demi meningkatkan maklum balas Gereja terhadap komuniti pendatang dan orang yang berpindah randah serta menyatakan sokongan berterusan ECMI dalam memperjuangkan dan melindungi kaum migran.